

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BIL. 2/2017
KADAR KOMPAUN BAGI KESALAHAN DIBAWAH SEKSYEN 425 DAN 426 KANUN
TANAH NEGARA 1965**


Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Mesyuarat Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan Bil. 1/2017 yang bersidang pada 29 Mac 2017 telah membuat keputusan menetapkan kadar kompaun bagi kesalahan di bawah Seksyen 425 dan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana Lampiran 1.

2. Kadar kompaun ini ditetapkan selaras dengan pindaan terkini Kanun Tanah Negara 1965 yang berkuatkuasa pada 1hb Januari 2017.

3. Kaedah Bayaran Kompaun

- 3.1 **Tiada** pelarasan bayaran secara ansuran dibolehkan ke atas pesalah sebagaimana Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 10/2009 dan arahan yang dikeluarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kelantan pada 21 November 2016.
- 3.2 Kompaun akan dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan kompaun sama ada melalui peruntukan statutori atau surat pemberian kuasa.
- 3.3 Pegawai yang diberi kuasa tersebut hendaklah mengenakan kompaun tidak kurang daripada 70% dari jumlah kompaun yang terjadual.
- 3.4 Sebagaimana Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 10/2009, penganan tawaran kompaun adalah tidak boleh dirayu oleh orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah) dengan pengecualian kepada kesalahan pertama.
- 3.5 Hanya Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Timbalan-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah diberi kuasa untuk menimbang dan mengurangkan kompaun yang dikenakan.

- 3.6 Bagi rayuan kali pertama Timbalan-Timbangan Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh mengurangkan kompaun tidak melebihi kadar maksimum sebanyak 50%. Selepas itu tiada lagi rayuan dibuat kecuali mendapat arahan lanjut Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.
- 3.7 Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh mengurangkan kompaun pada rayuan kali kedua dengan tidak melebihi kadar maksimum sebanyak 90% pengurangan terhadap kadar kompaun yang dikenakan.
- 3.8 Semua pengurangan bayaran kompaun hendaklah direkodkan dan dinyatakan alasan-alasan pengurangan kompaun tersebut dalam Buku Daftar Rekod Pengurangan Kompaun.
- 3.9 Rayuan pengurangan kompaun hanya boleh dipertimbangkan terhadap mereka yang mematuhi tempoh masa notis peringatan sahaja.
- 3.10 Sebagaimana Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 10/2009, kegagalan menjelaskan kompaun dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan pendakwaan mahkamah akan diteruskan.
4. Adalah dinasihatkan kepada semua Pentadbir Tanah untuk mengikuti dan mengambil langkah sewajarnya sebagaimana di para 3 bagi memastikan tindakan yang selaras dapat diambil keatas pesalah yang terlibat.
5. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.



.....
DATU' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (KELANTAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berbahagia/ Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

FAIL: PTG.KN.32/69 JLD. 4 (13)
BERTARIKH: 30 APRIL 2017

SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA 1965			
Bil	Jenis Kesalahan	Asas Syor Kompaun	Kadar Kompaun
1.	Seksyen 425 Pendudukan secara tak sah, dll, tanah rizab atau tanah perlombongan.	1) 0-20 EKAR	RM20,000.00
		2) 20-50 EKAR	RM1,000.00 PER EKAR
		3) 50-100 EKAR	RM2,000.00 PER EKAR
		4) 100 EKAR KE ATAS	RM2,500.00 PER EKAR
		1) Bagi kesalahan yang dilakukan di tepi simpanan jalan/ jalan sedia ada.	Peningkatan 10% daripada kadar di atas (tertakluk kepada kompaun maksimum di bawah Seksyen 429B KTN)
		2) Bagi kesalahan yang dilakukan di tepi jalan utama.	Peningkatan 10% daripada kadar di atas (tertakluk kepada kompaun maksimum di bawah Seksyen 429B KTN)

SEKSYEN 426 KANUN TANAH NEGARA 1965

Bil	Jenis Kesalahan	Asas Syor Kompaun	Kadar Kompaun
1.	Seksyen 426 (1) Mengangkut bahan batuan di atas jalan raya.	a) Kapasiti/bilangan tayar van i. 4 tayar ii. 6 tayar b) Kapasiti bilangan tayar lori i. 6 tayar ii. 10 tayar iii. 12 tayar iv. Pertambahan 2 tayar	RM3,000.00 – RM5,000.00 RM5,000.00 –RM10,00.00 RM10,000.00-RM15,000.00 RM15,000.00-RM20,000.00 RM20,000.00-RM25,000.00 Tambah RM5,000.00
2	Seksyen 426 (1) Membuat pencabutan di atas mana-mana tanah atau memindah bahan batuan ke dalam kenderaan.	Kesalahan dilakukan oleh :- i. Pengusaha. ii. Pemandu Jentera atau kenderaan/pekerja.	RM100,000.00 RM10,000.00
3	Seksyen 426 (1) Membenarkan kerja-kerja pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan.	Kesalahan dilakukan oleh :- i. Pemilik berdaftar Tanah. ii. Pemilik berdaftar kenderaan. iii. Penyewa kenderaan.	RM 50,000.00 RM 25,000.00 RM 25,000.00
4	Seksyen 426 (1A) Seseorang yang ada dalam milik atau jagaan atau di bawah kawalannya sebarang bahan batuan hendaklah dianggap telah melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1)		RM 50,000.00

5	Seksyen 426 (1B) Bersubahat dalam melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1)	Sebagai pengajaran kepada mana- mana orang yang terlibat.	RM 25,000.00
---	---	--	--------------